

14/08/1999

Mahathir kunjungi rumah Padzilah

BANDAR BARU SERTING, Jumaat - Rumah peneroka, Padzilah Md Sawi, 48, dan isteri, Salmah Muharram, 40, di Felda Serting Tiga di sini menjadi tumpuan hari ini apabila dikunjungi Perdana Menteri dan isteri.

Ketibaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, pada jam 11.30 pagi disambut meriah kira-kira 1,000 penduduk Felda itu.

Penduduk semua peringkat umur beratur dan mengibar bendera Malaysia, Umno dan Barisan Nasional (BN) di kiri serta kanan jalan.

Selepas itu, Dr Mahathir serta rombongan, termasuk Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, dan Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, menjamu selera di pekarangan rumah Padzilah bersama penduduk.

Kunjungan itu bukan saja memberi peluang penduduk untuk melihat sendiri Perdana Menteri, malah ramai yang mengambil kesempatan bergambar, terutama wanita.

Peristiwa hari ini pasti meninggalkan kenangan manis kepada Padzilah dan isteri, tetapi sudah tentu ada keistimewaan rumah itu dipilih untuk dilawati Perdana Menteri.

Ini kerana sebelum ini, rumah kayu yang masih mengekalkan ciri asal rumah Felda turut dilawati Presiden Peru, Alberto Fujimori pada 21 November 1996 dan Presiden Republik Persekutuan Ethiopia, Meles Zenawi, Oktober lalu.

Pengarah Felda negeri, Adnan Din, berkata antara faktor rumah Padzilah dipilih kerana beliau mempunyai sikap terpuji seperti gigih berusaha dan berjimat cermat.

Katanya, Padzilah melambangkan kejayaan peneroka yang mahu mengubah nasib diri serta keluarganya.

Sementara Padzilah yang berasal dari Tedong, Melaka, menyifatkan kunjungan Dr Mahathir dan isteri sebagai penghormatan serta meninggalkan kenangan yang tidak mungkin dilupakan.

"Sebelum ini rumah saya pernah dikunjungi tetamu asing yang ingin menyaksikan kehidupan peneroka tetapi tidak menyangka Perdana Menteri akan datang," katanya.

Padzilah yang mempunyai sembilan anak antara tiga hingga 24 tahun berkata, beliau amat berterima kasih kepada kerajaan kerana pemilihan sebagai peneroka 16 tahun lalu membolehkan kehidupannya berubah.

(END)